



INFLASI Malaysia adalah lebih rendah berbanding Filipina pada 4.9 peratus, Korea Selatan (3.8 peratus), Vietnam (3.6 peratus) dan Indonesia (2.6 peratus).

INFLASI MENYEDERHANA 1.8%

Peningkatan dipacu kenaikan lebih rendah kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol

Kuala Lumpur

Inflasi keseluruhan Malaysia pada Oktober 2023, yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP) menyederhana kepada 1.8 peratus, terendah sejak April 2021, dengan IHP mencatatkan 130.9 mata berbanding 128.6 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya, kata Jabatan Perangkaan Malaysia

(DOSM).

Ketua Perangkawan Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin berkata peningkatan itu dipacu oleh kenaikan lebih rendah kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol pada 3.6 peratus, diikuti peningkatan perlahan kumpulan hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (1.4 peratus) dan pelbagai barangan dan perkhidmatan (2.3 peratus)

berbanding 2.5 peratus bulan sebelumnya.

Sementara itu, kumpulan utama lain yang menyumbang kepada peningkatan lebih rendah adalah kumpulan minuman alkohol dan tembakau (0.6 peratus) dan pakaian serta kasut (0.0 peratus), berbanding kenaikan masing-masing 0.7 peratus dan 0.1 peratus pada September 2023, katanya.

Mohd Uzir berkata kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol menyumbang 29.5 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP.

Komponen makanan di rumah meningkat 2.1 peratus berbanding 2.5 peratus yang direkodkan bulan sebelumnya, didorong terutamanya subkumpulan beras, roti dan bijirin lain pada 3.6 peratus (Septem-

ber 2023: 4.1 peratus), manakala komponen makanan di luar rumah meningkat perlahan kepada 5.6 peratus berbanding 5.9 peratus yang direkodkan pada September 2023.

Sementara itu, inflasi teras bagi Oktober, yang tidak termasuk makanan dan tenaga, meningkat lebih perlahan pada 2.4 peratus (September 2023: 2.5 peratus) namun masih me-

lempi kadar inflasi keseluruhan negara sebanyak 1.8 peratus, dengan peningkatan tertinggi dicatatkan bagi inflasi makanan dan minuman bukan beralkohol (4.8 peratus).

Inflasi keseluruhan Malaysia adalah lebih rendah berbanding Filipina pada 4.9 peratus, Korea Selatan (3.8 peratus), Vietnam (3.6 peratus) dan Indonesia (2.6 peratus).